

Headline	Menjadikan FRIM lebih selamat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	32,33	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1088 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,103



**J**AKA anda seorang penggemar aktiviti riadah, merentas hutan dan berjoging, pastinya kawasan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjadi pilihan.

Lebih daripada itu, kawasan hutan FRIM sering menjadi pilihan aktiviti keluarga sambil menikmati kehijauan hutan dan kedinginan udara segar.

Justeru mereka yang sering berkunjung ke FRIM di Kepong, pastinya sering menyaksikan panorama biasa pada hujung minggu, orang ramai memenuhi segenap pelosok hutan FRIM untuk berjoging dan sambil beriadah.

Sejak sekian lama, pengurusan FRIM menyediakan kemudahan bersesuaian untuk memenuhi hasrat orang ramai yang menjadi tetamu mereka termasuk laluan berjoging dan denai serta yang tidak kurang popular titian gantung.

Bagaimanapun, selepas berdekad lamanya, sebahagian besar mereka ini mungkin tersentak dan kehairanan dengan keputusan terbaru yang diambil

Headline	Menjadikan FRIM lebih selamat		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	02 Nov 2015	Circulation	171,663
Section	Supplement	Readership	563,000
Page No	32,33	ArticleSize	1088 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 21,701
Journalist	N/A	PR Value	RM 65,103
Frequency	Daily		

oleh agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu dengan menutup denai alamnya yang popularnya dikenali sebagai *Rover Track* demi keselamatan orang ramai.

Menyedari akan risiko itu, FRIM mengakui ia merupakan satu keputusan yang amat berat terutama kepada pengunjung yang sudah bertahun-tahun menggunakan laluan tersebut untuk tujuan bersenang-senang.

Agensi itu juga mengakui, ia bukan suatu keputusan yang mudah diambil tetapi perlu dilaksanakan demi keselamatan serta kelestarian hutan di FRIM.

Kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong, kawasan terletaknya Denai Rover dan Titian Silara FRIM, adalah kawasan tahanan air penting yang selama ini membekalkan air kepada penduduk di Ulu Kepong.

Berkongsi perasaan tersebut, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** berkata, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pihaknya mendapati

terdapat peningkatan jumlah pelawat ke FRIM yang mendadak dan begitu juga dengan kejadian pencerobohan yang menyebabkan hakisan tanah yang semakin teruk.

Katanya, apabila laluan lama ke Titian Silara yang terhakis ditutup oleh FRIM untuk tujuan pemulihan dan laluan baru dibuat, masih ada juga pengunjung yang menceroboh masuk ke laluan lama.

Malah ada dalam kalanjar mereka yang membuat laluan haram untuk naik ke puncak bukit tersebut.

Dengan peningkatan jumlah pengunjung menggunakan Denai Rover dan memasuki laluan-laluan haram tanpa menghiraukan papan tanda yang diletakkan oleh FRIM, kejadian hakisan

tanah semakin teruk dan laluan tersebut menjadi saluran-saluran air semasa hujan lebat.

"Apa yang menakutkan adalah kejadian 'kepala air' yang lebih kerap menyebabkan banjir teruk di kawasan perkelahan Sungai Kroh, FRIM."

"Kejadian terkini berlaku baru-baru ini dan kami amat bersyukur ia berlaku lewat petang apabila sudah tiada pengunjung di FRIM."

"Berikutnya dengan hujan lebat baru-baru ini beberapa pokok besar dan dahan-dahan telah jatuh di Denai Rover," ujarnya.

Beliau berkata, Titian Silara, FRIM turut mengalami kerosakan teruk akibat ditimpa pokok yang tumbang baru-baru ini.

Namun pihaknya bersyukur kerana kejadian tersebut tidak berlaku pada siang hari semasa ramai pengunjung memasuki

kawasan tersebut.

Apa yang menghairankan kata Dr. Abdul Latif, terdapat pengunjung FRIM masih terus menggunakan laluan-laluan yang ditimpa dahan dan pokok yang tumbang tanpa menghiraukan keselamatan diri mereka dan tanpa memikirkan kemungkinan terdapat ular berbisa di celah-celah dahan, malah ada juga yang memanjat pokok tumbang itu.

Walaupun pengunungan terbabit tidak memikirkan keselamatan, FRIM tidak boleh membenarkan sikap tidak bertanggungjawab itu berterusan.

FRIM kata Dr. Abdul Latif, perlu membuat pemeriksaan kerosakan dan penilaian keselamatan kawasan yang terbabit serta melaksanakan kerja-kerja pembaikan apabila cuaca lebih stabil nanti.

Untuk itu, pengunjung tidak lagi dibenarkan memasuki kawasan-kawasan berbahaya itu.

Pengurusan FRIM menyedari kawasan hutan yang terhakis setelah sekian lama dimasuki pengunjung ini perlu ditutup untuk pemulihan secara semula jadi.

Menurut beliau lagi, FRIM menerima begitu ramai pengunjung pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Sebagai contoh, hampir semua pengunjung dicatatkan pada tahun lepas dan angka itu menunjukkan peningkatan berbanding 707,272 orang pada 2013 dan 683,964 orang pada 2012.

Angka tersebut menunjukkan peningkatan mendadak berbanding hanya antara 200,000 hingga 300,000 selama tujuh tahun bermula 2005.

Minat orang ramai terhadap aktiviti di dalam hutan telah banyak membantu mempromosikan FRIM sebagai destinasi pelancongan yang paling pihaknya amat menghargai

perhatian tersebut. FRIM suka berkongsi kemudahan yang sedia ada dengan pengunjung untuk beristirahat dan beriadah.

"Sudah lebih 20 tahun FRIM membuka pintunya kepada orang ramai. Sekarang sudah tiba masanya FRIM mengambil tindakan tegas menutup sebahagian daripada denai alamnya untuk pemulihan.

"Oleh sebab itu, kami menyeru pengunjung supaya menghormati keputusan ini untuk menjaga jangka panjang hutan FRIM," katanya.

Satu lagi masalah adalah peningkatan kejadian hakisan tanah di atas bukit akibat pencerobohan yang mungkin menyebabkan peningkatan kejadian banjir di hiliran yang menjelaskan penduduk berhampiran. Kejadian banjir sebelum ini telah menyebabkan kerosakan yang teruk.

Sebahagian daripada pagar konkrit

FRIM telah musnah, terdapat juga motorsikal kakitangan yang dihanyutkan oleh air Sungai Kroh yang melimpah turun bersama kayu-kayu besar dan serpihan-serpihan hutan.

Adalah amat menyeramkan jika membayangkan kejadian tersebut berlaku semasa orang ramai berada di tempat berkenaan.

Selepas melihat keadaan berkenaan, FRIM tidak boleh berlengah-lengah lagi untuk mengambil tindakan menutup Denai Rover dan Titian Silara.

Kata Dr. Abdul Latif, pengumuman mengenai penutupan tempat-tempat tersebut telah dibuat pada 13 Oktober lalu dan notis telah diletakkan di lokasi-lokasi berkenaan.

"Namun, kami dimaklumkan bahawa masih ramai pengunjung yang memasuki kawasan ini dan FRIM terpaksa meningkatkan penguatkuasaan.

"Saya meminta kerjasama pengunjung supaya memahami dan menghormati keputusan FRIM untuk menutup Denai Rover.

"Kawasan hutan yang terhakis memerlukan masa untuk pemulihan secara semula jadi dan apabila keadaan telah pulih baharulah boleh pembukaan semula dipertimbangkan," ujarnya.

Kata beliau, hutan menawarkan lebih daripada sekadar tempat untuk berekreasi dan beristirahat bagi mengurangkan tekanan hidup sehari-hari.

Ia juga mempunyai banyak fungsi penting seperti menyediakan sumber-sumber semula jadi, oksigen dan air, dan membantu mencegah banjir.

Walaubagaimanapun, hutan tidak dapat memainkan fungsi-fungsi ini dengan baik sekiranya keadaan kesihatannya semakin teruk.

Seperti juga dengan badan manusia, ekosistem hutan memerlukan masa untuk berasah dan pulih.

Masa yang diambil untuk menghijaukan kampus FRIM yang dahulunya kawasan bekas lobong adalah hampir 100 tahun.

Pemulihan kawasan hutan juga akan memerlukan masa beberapa tahun. Dalam masa itu, pengunjung FRIM masih boleh menggunakan kemudahan-kemudahan lain dalam kampus utama serta Taman Botani Kepong untuk tujuan rekreasi.

FRIM telah menjadi ikon bagi Selangor sebagai taman rekreasi dan salah satu destinasi pelancongan popular. FRIM juga mendapat pengiktirafan empat bintang oleh Trip Advisor.

Oleh sebab itu, keputusan yang diambil untuk menutup dua tempat tarikan utamanya bukanlah sesuatu yang dibuat sewenang-wenang tetapi demi keselamatan awam, pemuliharaan dan kelestarian hutan.

Headline	Menjadikan FRIM lebih selamat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	32,33	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1088 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,103

## FAKTA

- FRIM ialah sebuah institusi terkemuka dalam penyelidikan perhutanan tropika di dunia.
- Ditubuhkan pada tahun 1929
- Dahulunya dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP).
- Institut ini terletak di kawasan seluas 545 hektar (ha) bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Lagong di perbandaran Kepong, kira-kira 16 kilometer (km) barat laut dari Kuala Lumpur.

## TITIAN SILARA

- Terletak di Hutan Simpan Bukit Lagong dengan ketinggian 300 meter dari aras laut.
- Dibina pada 1992 dan menjadi tarikan utama untuk tujuan kajian saintifik flora dan fauna. Laluan silara sepanjang 150 meter ini digantung dari pokok ke pokok dengan ketinggian 30 meter dari aras tanah.
- Sistem titian dan pelantar ini memberikan pengalaman yang istimewa untuk pengunjung merasai dan menikmati pemandangan panorama di dalam hutan dan persekitaran Kuala Lumpur dari jarak jauh.
- Waktu masih digunakan, FRIM hanya membenarkan seramai 250 orang (200 melalui tempahan dan 50 secara walk-in sahaja) untuk menaiki jambatan tersebut dalam sehari.
- Sebelum ini Titian silara dibuka kepada orang ramai dari jam 9.30 pagi hingga 2.30 petang.



Headline	Menjadikan FRIM lebih selamat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	32,33	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1088 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,701
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,103



**DR. ABDUL LATIF  
MOHMOD**



**KEJADIAN** pokok tumbang baru-baru ini mengundang bahaya kepada pengunjung ke FRIM.